

ENAM NILAI UTAMA DARI PERSPEKTIF RISALAH NUR: USAHA MEMBANGUN JIWA INSAN DALAM PERANCANGAN PENGAJARAN

(*SIX MAIN VALUES FROM THE PERSPECTIVE OF RISALE-I NUR: IN EFFORTS TO BUILD SPIRITUALITY FOR INSTRUCTIONAL DESIGN*)

Siti Farahin Ahmad Nawawi

Information Technology & Resources Module, Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia,
UKM Bangi, 43600, Selangor, Malaysia
Tel: +6017-3547480 Email: farahinnawawi@gmail.com

Rosseni Din (Pengarang Penghubung)

STEM Enculturation ReseaCentre, Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi,
43600, Selangor, Malaysia
Tel: +6016-6656420 Email: rosseni@ukm.edu.my

Nabilah Othman

Information Technology & Resources Module, Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia,
UKM Bangi, 43600, Selangor, Malaysia
Tel: +6018-2484779 Email: cik.nabilah001@gmail.com

ABSTRACT

Most teaching designs in education does not focused on value integration explicitly. Therefore, this research dived into six spiritual values such as hope, enthusiasm, honesty, love, goodness and solidarity which are fundamental pillars of an individual. These values are cure for social diseases such as hopelessness, sadness, enmity, ruptured and individualism. In efforts to build student's values across curriculum, this research elaborates these values that can be integrated in teaching and learning in details within compact scope. Research findings obtained mainly from document analysis of Damascus Sermon. The sermon was an early work from the Risale-i Nur collection that contains the perspectives of Badiuzzaman Said Nursi. All values obtained are remedies for social diseases nowadays as expected due to advanced technologies, freedom of thoughts and weak grip of religion. Hope is the cure for hopelessness. Enthusiams is remedies for sadness that leads to giving up while honesty heals hypocrisy, deception, betrayals and so forth. The value of love is the fundamental of goodness while the value of goodness is something that multiplies. Last but not least, solidarity heals hostility dan oppression that extended amongst individuals and community. Findings showed that these values are gems that creates individuals personalisty either for Muslims or non-Muslims as well as shaping the society that benefits and love each other.

Keywords: values; hope; enthusiasm; solidarity; union; damascus sermon; risale-i nur

ABSTRAK

Kebanyakan model reka bentuk pengajaran tidak menitik beratkan integrasi nilai secara eksplisit. Kajian ini menyelami enam penawar iaitu harapan, semangat, kejujuran, cinta, kebaikan dan kesatuan yang merupakan tunggak keperibadian seseorang individu. Penawar ini merupakan ubat bagi penyakit sosial seperti putus asa, kesedihan, permusuhan, perpecahan dan penyakit yang bersangkut dengan kepentingan diri dan individualisme. Pembangunan nilai pelajar harus merentasi kurikulum justeru kajian ini mengkaji tentang nilai yang boleh diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran secara terperinci dalam skop yang kecil. Hasil kajian diperoleh dari analisis dokumen Khutbah Syamiah. Teks khutbah ini merupakan karya awal dari himpunan koleksi Risalah Nur yang mengandungi perspektif Risalah Nur oleh Badiuzzaman Said Nursi. Kesemua nilai yang diperoleh merupakan ubat kepada penyakit masyarakat masa kini, yang sudah dijangkakan

Untuk memetik dokumen ini:

Nawawi, S. F. A., Din, R. & Othman, N. (2020). Enam nilai utama dari perspektif risalah nur: Usaha membangun jiwa insan dalam perancangan pengajaran. *Journal of Personalized Learning*, 3(1): 87-93.

hasil kemajuan teknologi, kebebasan berfikir dan pegangan yang lemah terhadap kepentingan nilai agama. Nilai harapan merupakan ubat kepada keputusasaan. Nilai semangat pula merupakan penawar bagi penyakit kesedihan yang membawa kepada keputusasaan manakala kejujuran memulihkan penyakit dusta, tipu-muslihat, pengkhianatan, fitnah dan seumpamanya. Cinta adalah tunggak kebaikan makakala nilai kebaikan itu pula adalah sifat yang berganda. Nilai kesatuan menjadi ubat kepada permusuhan dan penindasan yang menular dalam kalangan individu dan masyarakat. Kajian menunjukkan nilai-nilai ini merupakan nilai yang melahirkan peribadi individu sama ada muslim atau bukan muslim yang bermartabat sekaligus membentuk ahli masyarakat yang saling membantu dan menyayangi antara satu sama lain.

Kata Kunci: nilai; harapan; semangat; kesatuan; musyawarah; khutbah syamiah; risalah an-nur

PENGENALAN

Imam Badiuzzaman Said Nursi, seorang ulama Turki telah menyampaikan Khutbah Syamiah di Masjid Umayyad pada 1911 di Syria. Menurut Abdulrahman (2011), Imam Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960) menyampaikan khutbah kepada perhimpunan hampir 10,000 orang yang turut terdiri daripada 100 para ulama dan ilmuwan agama terkenal pada waktu itu. Beliau menyampaikan khutbah yang meliputi nilai yang berharga dan memberi impak besar terhadap pendengar dan umat Islam pada waktu itu. Khutbah Syamiah tidak hanya menguraikan penyakit rohani yang merebak pada waktu itu di wilayah tersebut tetapi juga menawarkan ubat sebagai penawar kepada penyakit rohani tersebut. Khutbah tersebut bukan sahaja menarik perhatian masyarakat Muslim ketika itu, malah memupuk kebangkitan Demokrasi Gerakan Islam serta Gerakan Risalah Nur untuk memulihkan dan meningkatkan kerohanian umat Islam. Thomas et al. (2018) turut menyebutkan bahawa nilai-nilai yang diterangkan dalam khutbah tersebut adalah penyelesaian bagi pendengar Nursi di era tersebut iaitu ketika fasa terakhir Empayar Uthmaniyyah untuk mengembalikan semula moral, nilai-nilai murni dan kepercayaan warganegara Muslim. Thomas et al. (2018) juga menambahkan bahawa dengan bimbingan dari Al-Quran, ubat-ubatan rohani dalam penjelasan Nursi yang disebut sebagai "farmasi Al-Quran" yang menyeru para Muslimin untuk memerhatikan kebenaran Al-Quran sebagai landasan iman. Nursi turut menerangkan bagaimana gerakan Barat terhadap sekularisme yang sedang merungkai kebenaran di mana ia memberi harapan terhadap sinar Islam (Thomas et al., 2018).

Di dalam khutbah ini, beliau menjangkakan penyakit rohani yang akan menular dalam masyarakat moden disebabkan oleh kemajuan teknologi dan kebebasan berfikir. Penyakit yang disebut ialah keputusasaan, tiada kejujuran, saling bermusuhan, tiada kesatuan serta penindasan yang menular (Saleh, 2018). Setiap penyakit ini dihuraikan oleh beliau berserta penawar dan perbincangan teliti yang turut diselitkan hikmah dari Al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Melalui penghayatan penyakit ini dan terapinya, ia bukan sahaja menyelesaikan isu dalam kalangan masyarakat Islam sahaja malahan nilai-nilai yang dibincangkan boleh diaplikasikan dalam kalangan masyarakat sejagat di dunia dan di Malaysia secara umum tanpa mengira agama atau bangsa. Ahmed, Arshad, Mahmood, & Akhtar (2019) turut berpandangan bahawa perspektif Nursi di dalam khutbah beliau berlandaskan nilai dari Al-Quran di mana kesemua nilai yang diterangkan merupakan asas iman dan kepercayaan kepada Allah. Walaubagaimanapun, Fadel & Tatari (2015) menekankan ideologi Nursi sememangnya berdasarkan nilai Islam di mana nilai-nilai yang dinyatakan kesemuanya berpayungkan *tawhid* (mengesakan Allah) namun nilai-nilai tersebut juga merupakan asas individu dan boleh diterima oleh yang bukan Islam juga. Kajian ini seterusnya bertujuan untuk mengungkapkan nilai-nilai penawar tersebut dan menerangkan dengan lebih lanjut dari perspektif Khutbah Syamiah. Tujuan utamanya adalah untuk memudahkan para guru dan pendidik memahaminya dan cuba mengintegrasikan nilai-nilai ini di dalam reka bentuk pengajaran mereka atau terus diselitkan dalam pelaksanaan pengajaran mereka waima dalam kehidupan harian dalam masyarakat setempat.

Harapan sebagai Ubat Keputusasaan

Di dalam khutbah beliau, Nursi (2012) menyatakan harapan merupakan permintaan dan pengharapan kepada rahmat Allah serta yakin kepadanya. Menurut Nursi juga, penyakit keputusasaan ini adalah akibat dari ketiadaan harapan, iman dan turut merujuk kepada kekuatan rohani seseorang individu. Keputusasaan diibaratkan seperti penyakit kanser yang mematikan di mana jika tidak dirawat, penyakit ini akan menular, melemahkan serta menjadikan seseorang itu tidak berdaya. Sekiranya seseorang individu Muslim berasa putus asa atau hilang pedoman, maka agama perlu dijadikan titik sandaran dan pegangan untuk meneruskan perjuangan (Byrd, 2016). Hal ini dijelaskan oleh Nursi bahawa umat Islam harus redha dan pasrah dengan takdir Ilahi kerana kejayaan akan berpihak pada Islam kelak kerana kebenaran merupakan hakikat Al-Quran dan iman. Hal ini menekankan bahawa tiada sebab kukuh untuk seseorang itu untuk berputus asa walau apa halangan sekalipun. Di dalam bab yang sama, Nursi turut menghuraikan hakikat Islam yang berpotensi untuk mencapai kejayaan fizikal dan rohani. Untuk mencapai kejayaan rohani, terdapat lapan halangan yang mulai

pudar dek perkembangan teknologi dan ilmu pengetahuan, makanya Nursi mencadangkan setiap individu untuk memajukan rohani dengan kekuatan agama dan menjadikan Al-Quran sebagai panduan.

Untuk mencapai kemajuan fizikal pula, iaitu kemajuan di dunia, Nursi (2012) menghuraikan lima kekuatan Islam yang tidak boleh dikalahkan. Kekuatan yang pertama ialah hakikat agama Islam sendiri yang merupakan sebuah peradaban hakiki, pengetahuan yang benar serta guru bagi kesempurnaan dan kemuliaan. Kekuatan kedua pula ialah keperluan yang mendesak di mana sekiranya seseorang itu tidak mempunyai agama, sejauh mana kemajuan yang dicapai sekalipun, ia masih boleh membinaaskan kerana sama seperti kemiskinan harta yang merupakan sesuatu yang tidak seharusnya berlaku, begitu juga ‘miskin agama’ yang sama kepentingannya dengan kekayaan. Seterusnya ialah kebebasan syariah yang menjadi kekuatan ketiga di mana kebebasan ini menggalakkan persaingan yang sihat sesama individu dalam mencapai kemajuan dalam kehidupan. Kemajuan yang ingin dicapai tidak dihalang sama sekali malah sangat digalakkan lebih-lebih lagi ke arah kebaikan. Kekuatan keempat pula ialah heroisme iman di mana iman menyuntik semangat individu untuk tidak mahu dipandang rendah sekaligus menjadi sumber kekuatan untuk mencapai kemajuan di dunia dan dalam masa yang sama mengekalkan keseimbangan dengan tidak menyanjung golongan atasan dan tidak pula menghina golongan kurang berasib baik. Kekuatan terakhir yang tidak boleh disangkal ialah kemuliaan Islam sendiri. Nursi membandingkan perjuangan Islam dahulu kala melawan musuh menggunakan senjata dan pedang namun kini, perjuangan Islam untuk mengalahkan musuh adalah melalui kebenaran dan hakikat Islam yang hakiki. Kelima-lima kekuatan ini menunjukkan bahawa Islam itu sendiri merupakan kekuatan para muslimin untuk mencapai kemajuan di dunia. Secara keseluruhan, individu Muslim sememangnya tidak digalakkan untuk mudah menyerah seperti yang disebutkan dalam Al-Quran, dalam Surah Az-Zumar:

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani,” (Al-Quran, 39:53)

Semangat Menghilangkan Rasa Putus Asa dan Mementingkan Diri Sendiri

Di dalam khutbah beliau, Nursi (2012) mengaitkan kehilangan semangat ini sama seperti penyakit putus asa kerana hilangnya pengharapan. Bahkan kerana keputusasaan, seseorang itu menjadi lemah, tidak mempedulikan orang lain malah melepaskan tanggungjawab dengan bermalas-malasan dengan alasan tiada kena-mengena dengan orang lain. Dengan ketiadaan semangat untuk menjalankan tanggungjawab, seseorang itu mampu jatuh ke dalam pemikiran yang mementingkan diri sendiri sekaligus memikirkan bahawa urusannya juga tiada kena-mengena dengan urusan orang lain. Nursi turut memberi refleksi tentang kepentingan sosial dalam hubungan manusia. Contoh yang diberi oleh beliau ialah sekiranya seseorang merenung semula tentang makanan yang diperolehi seperti nasi, maka akan mendapati bahawa terdapat banyak sumbangsan dan tenaga yang disumbangkan oleh pelbagai individu lain seperti petani, pemandu lori, penjual serta tukang masak yang menyediakannya. Dari satu contoh ini sahaja sudah didapati bahawa sifat mementingkan diri sendiri itu tidak wujud dalam realiti kehidupan manusia yang saling memerlukan antara satu sama lain. Maka semangat perlu dipupuk dengan harapan optimis untuk menyumbang dalam kehidupan sosial.

Perumpamaan putusnya harapan dan hilangnya semangat yang tinggi juga dihuraikan oleh Nursi melalui kemenangan pengaruh barat yang populasinya lebih sedikit dari populasi umat Islam. Bagaimana jutaan penduduk Islam boleh dikalahkan dengan pengaruh orang Barat yang sedikit adalah dengan menjatuhkan semangat dan harapan (Nursi, 2012). Dalam kajian Byrd (2016) menyatakan bahawa Nursi mendakwa bahawa kehilangan harapan membawa keputusasaan dan membunuh semangat seterusnya menyebabkan individu jatuh kepada sikap mementingkan diri sendiri dan malah meninggalkan kebaikan. Oleh itu, menjaga semangat dan motivasi yang tinggi adalah kunci kejayaan. Mementingkan diri sendiri juga bertentangan dengan kemuliaan Islam yang mendorong nilai positif dan optimis terhadap Tuhan. Saleh (2018) turut memetik hasil tulisan Nursi yang menyatakan bahawa sesiapa yang menghadapi kesukaran, dengan harapan agama, dapat melihat takdir yang ditentukan Tuhan sama ada menghadapi kegagalan atau kejayaan kerana ia adalah sebahagian dari lumrah kehidupan manusia. Hal ini seiring dengan hadis Rasulullah SAW, “Apa yang tidak boleh diperoleh semuanya, tidak ditinggalkan keseluruhannya,” yang berasal dari surah At-Taghabun,

“Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu...” (Al-Quran, 64:16)

Ayat ini bermaksud sekiranya individu tidak mampu menyumbang dengan banyak dalam jalan kebaikan, maka sekurang-kurangnya individu tersebut berusaha agar menjadi lebih baik dan menyumbang mengikut kemampuannya. Hal ini berkait rapat dengan situasi alam pekerjaan moden di mana setiap individu berusaha

untuk mencapai sasaran tugas atau tanggungjawab yang telah ditetapkan norma masyarakat. Begitu juga dalam pengajaran dan pembelajaran formal. Jika tidak dapat menyampaikan semua kandungan sesuatu topik, sampaikan isi pentingnya. Jika tidak faham semua kandungan topik, baca kesemuanya dan ambil manfaat setakat yang dapat difahami biarpun sedikit jangan ditinggalkan kesemuanya, ambil dahulu sekadar yang dapat digarap.

Kejujuran Sebagai Cara Menghapuskan Tipu Daya

Nursi menjelaskan bahawa salah satu daripada enam penyakit umat Islam di masa kini adalah matinya kejujuran dalam kehidupan. Kejujuran merupakan aset paling berharga dan perlu diterapkan dalam kehidupan sosial. Jujur merupakan sikap seseorang ketika berhadapan dengan sesuatu situasi tertentu dan menceritakan kejadian tersebut tanpa ada perubahan sedikit pun atau benar-benar sesuai dengan realiti kejadian yang terjadi. Sikap jujur merupakan apa yang keluar dari dalam hati nurani setiap manusia dan bukan apa yang keluar dari hasil pemikiran yang melibatkan otak dan hawa nafsu.

Menurut Nursi juga, kejujuran merupakan dasar serta landasan Islam yang menjadi prinsip asas masyarakat Islam. Kejujuran diumpamakan seperti cahaya (*nur*) sedangkan kedustaan adalah api (*nar*). Keperibadian Rasulullah SAW perlulah kita contohi sebagaimana yang ditunjuk dalam etika perniagaan yang dijalankan iaitu dengan kejujuran. Dalam melakukan urusniaga perniagaan, baginda menggunakan kejujuran sebagai etika utama sehingga mendapat gelaran *al-Amīn* (yang dipercayai) iaitu gelaran yang diberi oleh masyarakat Makkah berdasarkan keperibadian baginda yang jujur dalam segala hal, termasuk menjual barang dagangannya. Konteks kejujuran di dalam perniagaan ini sangat luas, seperti tidak melakukan penipuan, tidak menyembunyikan cacat pada barang dagangan, menimbang barang dengan timbangan yang tepat, dan lain-lain. Baginda juga tidak melakukan sumpah untuk menyakinkan apa yang dikatakan, termasuk menggunakan nama Tuhan. Berlainan dengan dunia perniagaan dunia moden sekarang, sekilas kedengarannya pelik apabila dikatakan bahawa kejujuran merupakan sebuah prinsip etika perniagaan kerana mitos mengatakan perniagaan perlu ada tipu daya atau '*trick*' untuk mengaut keuntungan besar. Kegiatan perniagaan yang tiada kejujuran pastinya tidak bertahan lama dan para peniaga moden perlu sedar bahawa kejujuran merupakan kunci keberhasilan sesuatu perniagaan untuk mampu bertahan dalam jangka masa panjang dalam dunia yang penuh persaingan. Tradisi buruk sebahagian bangsa Arab adalah berbohong dalam urusniaga barang dagangan mereka di mana barang yang cacat tidak diberitahu kepada para pembelinya, penimbangan barang dengan tidak tepat serta cara-cara perdagangan mereka masih terdapat unsur penipuan. Sebagai umat Islam kita harus meneladani sifat Rasulullah SAW yang menerapkan perilaku jujur dalam kehidupan sehari-hari.

Selain daripada itu, penting juga untuk tidak mencampurkan kebenaran dan kebohongan agar kita benar-benar menghargai manfaat kebenaran. Seperti yang dijelaskan oleh Nursi, "Sama ada berkata benar atau diam." di mana hanya ada dua cara, bukan tiga. Bukan kebenaran, atau kebohongan, atau diam tetapi sebaliknya hanya kebenaran atau diam. Ini kerana terlalu jujur juga tidak sesuai dalam pembicaraan kerana boleh menyebabkan bahanaya, salah komunikasi atau salah cakap. Oleh itu, lebih baik berdiam diri ketika ragu-ragu atau tidak yakin akan kebenarannya.

Cinta Menyintai Kebaikan dan Membencikan Kebencian

Nilai keempat dalam khutbah ini adalah cinta di mana Nursi (2014) menggambarkan bahawa yang mudah dicintai adalah cinta itu sendiri (*al-mahabbah*) dan yang patut dibenci adalah kebencian itu sendiri (*al-khusumah*). Cinta adalah entiti yang menjamin keharmonian dalam kehidupan sosial kita sementara permusuhan dan kebencian hanya akan menyebabkan keburukan di mana Nursi menyatakan bahawa orang yang beriman memberi cinta berdasarkan iman dan Islam (*al-ukhuwwah al-imaniyyah wa alislamiyyah*) sehingga mencintai nilai kemanusiaan itu sendiri (*al-ukhuwwah al-insaniyyah*).

"Dan tiadalah (kejahatan) yang diusaha oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya..." (Al-Quran, 6:164)

Menurut Nursi (2014) di dalam khutbah beliau, ayat ini berlandaskan keadilan sejati di mana Allah milarang umat Islam memusuhi orang lain atau melakukan perlakuan yang tidak adil terhadap orang lain. Muslim juga tidak digalakkan untuk berdendam malahan harus berpegang teguh pada keadilan Allah dan yakin bahawa Allah akan membalaunya di Hari Pembalasan nanti. Nursi turut menyeru para hadirin ketika itu untuk bersatu hati, menghargai saudara sesama Islam dan menyayangi satu sama lain. Jika cinta benar-benar terpatri di dalam hati, maka kebencian akan berubah menjadi kasih sayang sesuai dengan perilaku orang beriman. Jika permusuhan bersemayam di dalam hati, maka kecintaan akan berubah menjadi sikap menjilat dan persahabatan palsu dan inilah sikap kaum sesat yang melampaui batas. Bagi orang yang hatinya mempunyai

sikap permusuhan, ia menyerupai budak yang menangis disebabkan hal yang kecil atau seorang lelaki pesimis yang sentiasa tidak bersangka baik dan sering bersangka buruk. Oleh itu, nilai cinta perlu diterapkan dan hapuskan permusuhan demi menjaga keharmonian kehidupan sosial dan kebahagiaan bersama.

Kebaikan Menjadikan Amalan Berganda

Nursi (2014) menerangkan betapa satu keburukan yang dilakukan pada satu masa bukan sahaja memberi kesan pada masa itu sahaja, malah ia mampu membesar dan tersebar, lama-kelamaan menjadi ratusan keburukan. Hal ini sama juga dengan kebaikan, di mana satu kebaikan yang dilakukan akan menular menjadi ribuan kebaikan pada masa akan datang, menunjukkan betapa pentingnya nilai kondisi perbuatan yang dilakukan seseorang individu. Nursi menambahkan lagi hujah beliau dengan menekankan hal ini untuk menggalakkan umat Islam, dari bangsa Arab dan Turki dalam kalangan pendengar khutbah ketika itu, untuk tidak bermalasan malah mengerjakan dakwah serta menyebarkan kebaikan untuk manfaat umat manusia akan datang pada 40-50 tahun lagi. Nursi turut menyeru penulis khutbah serta pembaca khutbah beliau pada saat ini untuk menjalankan tugas, rajin bekerja serta beribadah dan mempraktikkan kebaikan dalam kehidupan seharian bukan sahaja untuk manfaat harian malahan untuk kebaikan pada masa depan. Inilah yang dimaksudkan Nursi kebaikan yang berganda.

Nursi turut menerangkan bahawa umat Islam dari setiap pelusuk dunia adalah seperti sebuah organisasi yang besar, seperti sebuah keluarga besar dan juga seperti komponen dalam mesin yang besar. Jika salah satunya tidak berfungsi, maka rosaklah keseluruhan organisasi dan begitu jugalah di dalam organisasi Islam yang menyeru setiap individu Muslim untuk menjalankan tugasnya. Nursi turut memberi amaran kepada individu yang merasakan tidak ada kena mengena atau berkait dengan orang lain malahan merasakan urusannya tidak akan menjelaskan atau mempengaruhi urusan orang lain. "Sikap kalian yang bermalas-malasan, tidak peduli serta menunjukkan usaha dan tidak semangat mengusahakan perpaduan Islam dan persaudaraan Islam yang sejati, sebenarnya merupakan satu bahaya dan kezaliman yang jelas," jelas Nursi di dalam khutbah beliau di mana sekali lagi ditekankan bahawa usaha ke arah kebaikan itu sangat penting. Hal ini membuktikan bahawa nilai sesuatu keburukan atau kebaikan tidak boleh dipandang rendah sama ada kecil atau besar malahan nilainya berganda malah tersebar. Daripada penerangan Nursi, dapat difahami bahawa di dalam pendidikan juga, nilai kebaikan perlu diterapkan lebih-lebih lagi dalam era teknologi yang memudahkan lagi penyebaran sesuatu maklumat. Sekiranya pendidik mampu menerapkan nilai kebaikan dalam dirinya terlebih dahulu, hal ini disebarluaskan pula dalam proses mendidik generasi muda dan seterusnya diterapkan dalam kalangan pelajar, ia seolah-olah menggandakan nilai yang pada mulanya berasal darinya sahaja. Oleh itu, setiap nilai kebaikan harus diamalkan bermula dari individu walaupun kecil atau sedikit kerana sesungguhnya ia akan berganda seperti yang diterangkan Nursi (2014).

Kesatuan, Perpaduan dan Kerjasama

Nursi (2014) menggambarkan musyawarah sebagai kunci kebahagiaan kaum Muslimin dalam kehidupan masyarakat Islam, dan menekankan kepada erti pentingnya sebagai dasar kemajuan dan perkembangan. Nursi menganggap bahawa ketulusan, dan kesatuan atau *solidarity* yang timbul dari musyawarahlah yang memberi makna bagi kehidupan dan membawa kemajuan. Dengan musyawarah, ia menimbulkan rasa kesatuan yang akan memberi manfaat satu dengan yang lainnya. Musyawarah juga dapat menghindari dari pemerintahan yang diktator. Penawar terakhir yang ditawarkan Nursi ini menyeru jalinan kerjasama antarabangsa dan para pemimpin peradaban dunia. Dalam hal ini, Nursi mengajak negara-negara Islam untuk bekerjasama antara satu sama lain. Menurutnya, kebaikan satu bangsa akan dilihat oleh bangsa lain. Kesepadan dengan masyarakat dunia akan sukar dicapai sehingga umat Islam bergerak sebagai guru dan pemimpin agar dapat memberi kesan positif dalam masyarakat Islam sedunia. Sebagaimana jika salah seorang ahli keluarga melakukan sebuah kejahatan, tentu seluruh keluarga bertanggungjawab dan menjadi tertuduh dalam pandangan keluarga lain. Maka kejahatan tersebut seolah-olah mengaibkan seluruh keluarga ibarat kata pepatah nilai setitik rosak susu sebelanga. Demikian pula sebaliknya, jika salah satu anggota keluarga melakukan kebaikan, seluruhnya merasa bangga seolah-olah kebaikan tadi dilakukan oleh mereka semua. Janganlah sesekali kita memikirkan kepentingan diri sendiri tanpa mempedulikan kepentingan umat kerana manfaatnya hanya untuk seorang. Namun sekiranya kita bekerjasama dan bersatu hati dalam membuat sesuatu, manfaatnya lebih besar. Sama seperti contoh seseorang yang memakan nasi dan merenung betapa banyak tangan yang ikut serta dalam menghadirkan nasi itu padanya. Sehingga ia berterima kasih kepada semua tangan atau pihak yang ikut serta di dalamnya. Dari sini kita ketahui bahawa manusia secara fitrah berkait dengan manusia lainnya kerana tidak mungkin ia hidup sendiri. Tidak diragukan lagi penerapan nilai kesatuan dan musyawarah sangat penting, terutama sekali ketika hidup di dalam sesebuah komuniti, bekerja di dalam organisasi dan menjadi sebahagian rakyat dalam sebuah negara. Menurut Laitinen (2015), seseorang seharusnya merasakan penderitaan rakan yang memerlukan dan menawarkan pertolongan dalam semangat solidariti. Solidariti bermaksud memberi sumbangan kepada masyarakat dan kerani yang bekerja dalam

organisasi yang besar, seperti bank memainkan peranan penting sebagai pengurus kerana organisasi tidak akan dapat berfungsi tanpa kerani atau tanpa pengurus.

WAWASAN & RANCANGAN SETERUSNYA

Daripada perspektif keimanan dan kerohanian, Nursi percaya bahawa melalui pemahaman Al-Quran, kemajuan individu serta umat manusia tidak akan terpesong dari landasan kebenaran. Ini adalah kerana mukjizat dan sinar dari Al-Quran itu adalah milik semua orang yang mencarinya. Secara keseluruhannya, untuk menerima apa yang baik adalah dengan menghayati nilai-nilai yang baik, sementara menghapuskan keburukan adalah dengan membuang nilai-nilai yang bertentangan dengannya (Mohamad et al., 2018). Hal ini menunjukkan bahawa setiap nilai yang diterangkan oleh Nursi bukan sahaja sebuah nasihat *spiritual* bagi orang beriman, malah ia juga merupakan nasihat berguna untuk semua individu kerana setiap nilai serta akhlak yang baik akan menghasilkan kebaikan buat semua umat manusia.

Dari aspek pendidikan karya Risalah Nur ini bagaikan permata yang dicari sinarnya terang menyuluhi kekaburuan para guru yang mengikut kajian masih tidak jelas tentang bagaimana menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah mahupun dalam komuniti. Dengan prinsip yang dijelaskan sepantas lalu dalam artikel ini, para pendidik boleh mengeksplorasi lebih banyak nilai dan perincianya sehingga mampu melaksanakannya dalam pelbagai cara dan aspek sepertimana yang dituntut dalam Falsafah Pendidikan Negara. Nilai boleh diterapkan merentas kurikulum dan ko-kurikulum, dalam subjek Pendidikan Islam dan Moral, dalam kelas mahupun dalam masyarakat. Tidak perlu untuk menunggu huraihan sukatan pelajaran baharu kerana di dalam talian terdapat banyak sumber untuk membaca karya *magnum opus* oleh Bediuzzaman Said Nursi ini. Pendidikan diperibadikan melalui pelantar-pelantar dalam talian mahupun dengan membaca koleksi kitab Risalah Nur adalah jalan pintas untuk membersihkan jiwa bagi memperoleh akhlak yang bagi para pendidik yang mengajar subjek berkaitan nilai

KESIMPULAN

Enam nilai yang dihuraikan dalam Khutbah Syamiah ini adalah nilai penting di zaman moden yang melibatkan teknologi baru dan terkini yang berkembang dengan pantas. Nilai-nilai ini bukan sahaja penting untuk menyembuhkan penyakit rohani yang merebak di antara masyarakat, malah ia juga penting untuk diperaktikkan dan diamalkan untuk meningkatkan keamanan dan keharmonian. Tambahan pula, nilai-nilai ini bukan sahaja penting bagi semua umat Islam, malah nilai-nilai kerohanian ini, yang merupakan harapan, semangat, kejujuran, cinta / belas kasihan, nilai kebaikan dan kesatuhan adalah nilai-nilai asas untuk semua individu tanpa mengira agama, kaum dan asal usualnya agar kita semua dapat meningkatkan pencapaian rohani dan serta kejayaan di dunia ini. Secara keseluruhannya, huraihan nilai-nilai kerohanian dari perspektif Khutbah Syamiah ini mampu bertindak sebagai ubat untuk penyakit rohani, namun kajian mendalam mengenai Risalah an-Nur digalakkan untuk pemahaman mendalam mengenai perspektif ini.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah disokong oleh projek GG-2019-046 dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sekalung penghargaan kepada semua ahli Kumpulan Penyelidikan diPeribadikan dan Cabaran Perdana DCP-2017-020/3 atas sokongan dan bantuan samada secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan artikel ini. Kami turut berterima kasih kepada Dr. Widus Sempo dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang sudi berkongsi ilmu serta menerangkan tentang Khutbah Syamiah dari kitab asal dalam bahasa Arab. Semoga segala ilmu yang dikongsikan menjadi ilmu yang bermanfaat untuk semua.

Rujukan

- Abdulrahman, A. (2011). The World in crisis: The Qur'anic remedy. *The Pen Magazine*. Retrieved from <http://www.thepenmagazine.net>
- Ahmed, A., Arshad, M. A., Mahmood, A., & Akhtar, S. (2019). The influence of spiritual values on employee's helping behavior: the moderating role of Islamic work ethic. *Journal of Management, Spirituality & Religion*, 16(3), 235-263.
- Byrd, D. J. (2016). Said Nursi's Risale-i Nūr and critical theory: Finding a common cause between religion and materialist philosophy. *Islamic Perspective*, 16, 1-28.
- Fadel, K., & Tatari, E. (2015). A political analysis of Bediuzzaman Said Nursi's Damascus Sermon. *Philippine Social Sciences and Humanities Review*, 5(3), 303-322.
- Laitinen, A. (2015). *Solidarity*. London, United Kingdom: Lexington Books.

- Mohamad, M. Z., Teh, K. S. M., Yusof, S., Hasan, A. F., Salleh, A. Z., & Ghazali, A. B. (2018). Building a personality by installing noble values: Implementing Nursi's thoughts in a Malaysia context. *International Journal of Academic Research In Business And Social Sciences*, 8(11), 437-444.
- Nursi, S. (2012). *The Damascus sermon*. Istanbul, Turkey: Sözler.
- Nursi, S., & Bahreisy, F. (2014). *Khutbah syamiyah*. Banten, Indonesia: Risalah Nur Press.
- Saleh, F. (2018). Why Muslims should maintain their dignity in worldly life: A critical consideration on Said Nursi's insight on the meaning of "theology of hope" as reflected in his Damascus sermon. *Sunan Kalijaga: International Journal of Islamic Civilization*, 1(1), 37-60.
- Thomas, N., Nimehchisalem, V., Kasim, Z., Ali, A., & Gulerce, H. (2018). Metaphorical expressions and ethical appeals in Said Nursi's Damascus sermon. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(12), 640-649.